

SERANGAN jantung boleh mengancam nyawa wanita ketika mengandung dan selepas melahirkan anak.

Awas! Jantung berhenti ketika pantang



OLEH RABIATUL ADAWIYAH
adaawiyah.koh@utusan.com.my

PERISTIWA 6 Julai 2017 lalu, kisah seorang guru yang meninggal dunia di sisi anak-anaknya masih kekal ketika suaminya keluar bekerja masih segar dalam ingatan. Jenazah Siti Rohana Reduan seawaktu masih berpantang ditemui tidak bernyawa di sisi anak-anaknya berusia 19 bulan dan satu bulan oleh suaminya yang baru pulang bekerja.



DR. SHAHROL ANUAR

Bukan kerana pendarahan pasca bebahan melahirkan anak (caesarean). Bukan juga sebab terpaksa menguruskan anak-anak seorang diri semasa berpantang. Keputusan autopsi mendapati punca kematiannya akibat masalah jantung dan paru-paru berat. Mungkin ramal yang tidak pernah mendengar tentang masalah Peripartum Cardiomyopathy (PPCM).

Penyakit jantung ini amat jarang berlaku dan masih tidak banyak maklumat atau program kesedaran yang mendalam

INFO

Keabnormalan Jantung Semasa Hamil

■ Deruan Jantung ("Murmurs")

Deruan jantung mungkin berlaku pada sesetengah wanita yang sihat buat pertama kalinya semasa mengandung. Deruan jantung adalah bunyi luar biasa yang berlaku semasa jantung mengompaksi darah. Ia tidak menghasilkan sebarang gejala dan doktor hanya boleh mendengar melalui stetoskop. Kebanyakan deruan jantung adalah tidak berbahaya dan tidak memerlukan rawatan. Walau bagaimanapun doktor perlu memyiasat keadaan jantung dengan teliti. Kadang-kadang deruan jantung yang tidak normal boleh dikaitkan dengan penyakit injap jantung.

■ Aritmia

Hampir 50 peratus daripada wanita mempunyai denyutan jantung yang tidak normal dipanggil aritmia jantung semasa mengandung. Sebahagian besar aritmia tidak menyebabkan gejala dan hanya dikesan apabila doktor mengambil nadi pesakit. Aritmia boleh menyebabkan gejala pening atau berdebar-debar. Elektrokardiogram (ECG) atau monitor Holter 24 jam boleh disyorkan supaya rentak jantung dapat dipantau. Pesakit mungkin tidak memerlukan rawatan, hanya pemantauan. Jika gejala berterusan atau menjadi lebih teruk, rawatan aritmia seperti ubat "anti-aritmia" boleh diberi.

■ Palpitasi Jantung

Palpitasi jantung adalah sensasi atau kesedaran denyutan jantung anda sendiri yang berlaku dengan kuat atau cepat. Ini berlaku dalam kalangan wanita hamil kerana perubahan hormon dalam badan. Kebanyakan palpitasi jantung adalah tidak berbahaya dan tidak membimbangkan. Namun demikian ia mungkin satu petunjuk anemia dalam kehamilan atau aritmia.

■ Darah Tinggi

Terdapat beberapa jenis penyakit darah tinggi yang boleh berlaku semasa kehamilan. Seorang wanita mungkin mengandung dengan sejarah penyakit darah tinggi yang sedia ada (dikenali sebagai

penyakit darah tinggi kronik).

Pesakit juga boleh menghadapi penyakit darah tinggi semasa mengandung.

Penyakit darah tinggi sementara adalah penyakit darah tinggi berlaku semasa mengandung, berterusan selepas bersalin tetapi hilang dalam tempoh 12 minggu selepas bersalin.

Tekanan darah tinggi juga boleh melorjak secara tiba-tiba ketika hamil. Keadaan ini merupakan tanda komplikasi kehamilan yang lebih serius yang dipanggil praeklampsia. Jika tekanan darah anda menjadi terlalu tinggi (lebih tinggi daripada 160/100 mm Hg) semasa mengandung, doktor anda akan memberikan ubat tekanan darah.

■ Strok Semasa Mengandung

Risiko strok meningkat 2.5 kali ganda semasa dan selepas kelahiran. Kira-kira 90 peratus daripada semua strok berkaitan kehamilan berlaku semasa bersalin atau dalam masa 6 minggu selepas bersalin. 45 peratus strok adalah disebabkan oleh praeklampsia atau edarapsia. Risiko strok iskemik adalah 8.7 kali lebih tinggi dalam 6 minggu pertama selepas bersalin. Risiko strok pendarahan adalah 2 hingga 3 kali lebih tinggi daripada biasa semasa mengandung tetapi 28 kali lebih tinggi dalam masa 6 minggu selepas bersalin. Namun demikian, secara keseluruhan risiko strok berkaitan kehamilan masih rendah.

■ Peripartum Cardiomyopathy

Ini adalah suatu keadaan yang jarang berlaku yang menyebabkan lemah jantung dalam bulan terakhir kehamilan sehingga tempoh 5 bulan selepas bersalin. Puncanya masih tidak diketahui. Walaupun jantung boleh kembali normal ia dikaitkan dengan peningkatan risiko komplikasi semasa kehamilan.

(Sumber: <http://www.myhealth.gov.my>)



sehingga tempoh enam bulan selepas bersalin. Puncanya tidak diketahui. Sekiranya berlaku boleh menyebabkan kelemahan jantung yang berkebalan kepada pesakit.

"Jantung kuat mengempangi lebih kuat sewaktu hamil. Ini kerana ibu hamil perlu memindahkan oksigen dan nutrien penting kepada janin yang dikandung. Mungkin simptom tidak ketara tetapi orang ramai boleh melihat tanda-tanda seperti peningkatan denyutan jantung, sakit dada, keletihan melampau, leleh semasa membuat aktiviti fizikal, nafas pendek dan tersekat-sekat, bengkok di bahagian kaki atau buku lali dan kerap buang air kecil pada waktu malam. Simptom ini boleh dilihat ketika hamil lagi," jelasnya.

Risiko

Halkikatnya, kehamilan menyebabkan beban kerja jantung bertambah. Dalam tiga bulan pertama kehamilan wanita isipadu darah meningkat sebanyak 40 hingga 50 peratus. Jumlah ini kemudian kekal tinggi bagi enam bulan seterusnya. Jumlah darah yang dipam keluar setiap minit meningkat 30 hingga 50 peratus.

Kadar denyutan jantung juga meningkat sebanyak 10 hingga 15 denyutan seminit. "Jantung perlu bekerja keras untuk membekalkan darah dan nutrien kepada uri, rahim dan janin yang semakin membesar. Oleh sebab kehamilan memberi beban kerja yang berat pada jantung, sesetengah wanita yang mempunyai jantung yang sihat menghadapi masalah semasa hamil. Risiko meningkat dalam kalangan wanita yang gemuk, mereka yang mengalami kehamilan selepas 35, menghidap diabetes atau tekanan darah tinggi.

"Walaupun tidak ada pemeriksaan standard bagi kategori risiko ini, ujian penyakit jantung perlu diperkenalkan terutamanya bagi wanita yang berisiko tinggi," jelasnya.

Dr. Shahrol Anuar berkata, keadaan jantung pesakit yang berisiko akan diperiksa sepanjang kehamilan jadi pesakit tidak boleh terlepas sebarang janji temu dengan pakar jantung dan obstetrik.

"Rawatan selalunya sama seperti pesakit jantung kecuali ada ubatan yang perlu dielakkan sewaktu mengandung. Amnya, boleh bersalin normal kecuali pesakit ada masalah sewaktu bersalin atau kemudatan kepada kandungan. Keputusan biasanya dibuat melalui perbincangan antara pesakit dengan pakar jantung, pakar bina sarta pakar ibu dan kanak-kanak.

"Walaupun punca sebenar tidak dapat dikesan, pesakit ini masih boleh dicegah dengan amalan gaya hidup sihat, berat badan sempurna dan penjagaan sebelum hamil, penjagaan ibu mengandung yang rapi serta kepatuhan kepada penjagaan selepas bersalin," katanya.

Kesimpulannya, bagi ibu-ibu yang memang menghidapi penyakit jantung dan penyakit kronik lain sebelum hamil dan juga ibu-ibu yang baru disyaki menghidap penyakit jantung perlu mengambil langkah-langkah rasmi dan sentiasa mendapatkan nasihat dan rawatan daripada pakar jantung dan pakar sakit puan secara berkala.

terhadap risiko PPCM di negara ini. Menurut sumber *Healthline.com*, PPCM hanya terjadi pada wanita hamil atau sejurus melahirkan bayi. PPCM bertindak melemahkan otot jantung dan menyebabkan jantung membengkak, membuat darah gagal

dipam dengan baik ke seluruh tubuh. Dalam pada itu, Persatuan Jantung Amerika menjelaskan bahawa PPCM menyerang 1,000 hingga 1,300 wanita Amerika Syarikat setiap tahun.

Menurut Perunding Kardiologi Hospital Pakar KPJ Tawakkal Dr. Shahrol Anuar Mohd Yasin, PPCM ialah suatu keadaan jarang berlaku yang menyebabkan lemah jantung dalam bulan terakhir kehamilan



PASTIKAN anda mendapat cukup rehat selepas bersalin. - Gambar hiasan